

SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL.1/2020

Semua Pengurus Bahagian
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Y.Bhg.Prof/Tuan/Puan,

PENETAPAN KADAR ELAUN PERJALANAN KENDERAAN DI UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA (UTHM)

1.0 TUJUAN

Surat pekeliling ini bertujuan memaklumkan mengenai pelaksanaan kadar baharu Elaun Perjalanan Kenderaan (EPK) untuk staf Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) yang menjalankan tugas rasmi.

2.0 LATARBELAKANG

- 2.1 Kadar dan syarat bagi seseorang pegawai menuntut elaun, kemudahan dan bayaran semasa bertugas rasmi mengikut perintah am Bab B telah dinyatakan di dalam Pekeliling Perbendaharaan Malaysia iaitu WP 1.4 bertajuk Kadar dan Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan dan Bayaran Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Kerana Menjalankan Tugas Rasmi (Tidak Termasuk Tentera dan Polis)
- 2.2 Pada masa ini, penetapan kadar EPK sedia ada adalah berdasarkan gaji pokok pegawai dan sukatan silinder (s.s) kenderaan yang digunakan untuk menentukan kelas yang layak dituntut sama ada kelas A,B,C,D atau E seperti jadual di bawah :

| Jarak perjalanan bertugas rasmi bagi tiap-tiap satu bulan | Kelas | | | | |
|---|--|--|--|--|---|
| | A Gaji tidak kurang RM2,625.45 sebulan & kenderaan 1400 s.s & ke atas | B Gaji tidak kurang RM2,333.00 sebulan & kenderaan 1000 s.s & ke atas | C Gaji tidak kurang RM1,820.75 sebulan & kenderaan dibawah 1000 s.s | D Gaji kurang RM1,820.75 sebulan & kenderaan tidak kurang 175 s.s | E Gaji kurang RM1,820.75 sebulan & kenderaan dibawah 175 s.s |
| (RM) | | | | | |
| | KADAR | KADAR | KADAR | KADAR | KADAR |
| 500 km pertama | 0.70 | 0.60 | 0.50 | 0.45 | 0.40 |
| 501 – 1000 km | 0.65 | 0.55 | 0.45 | 0.40 | 0.35 |
| 1001 – 1700 km | 0.55 | 0.50 | 0.40 | 0.35 | 0.30 |
| 1701 km & seterusnya | 0.50 | 0.45 | 0.35 | 0.30 | 0.25 |

2.3 Kementerian Kewangan Malaysia telah melaksanakan penambahbaikan ke atas kadar EPK di bawah Perkeliling Pendaharaan WP1.4 iaitu Kadar dan Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan dan Bayaran Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Kerana Menjalankan Tugas Rasmi (Tidak Termasuk Tentera dan Polis).

2.4 Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 1/2020 yang telah bersidang pada 1 Mac 2020 telah bersetuju dan memperakukan Cadangan Pelaksanaan Kadar Baharu Elaun Perjalanan Kenderaan Di UTHM.

3.0 PELAKSANAAN KADAR BAHARU ELAUN PERJALANAN KENDERAAN

3.1 Staf yang menggunakan kenderaan sendiri bagi menjalankan tugas rasmi sama ada di dalam atau di luar Ibu Pejabatnya adalah layak menuntut Elaun Perjalanan Kenderaan mengikut kadar seperti berikut :

| Jarak Perjalanan Bertugas Rasmi Bagi Tiap-tiap Satu Bulan (km) | Kadar Mengikut Jenis Kenderaan | |
|--|--------------------------------|-----------------|
| | Kereta (sen) | Motosikal (sen) |
| 500 km pertama | 85 | 55 |
| 501 km dan seterusnya | 75 | 45 |

4.0 KUATKUASA PEKELILING

Surat pekeling ini adalah berkuatkuasa untuk tuntutan perjalanan mulai bulan Januari 2020.

Kerjasama dari YBhg.Prof/Tuan/Puan adalah diharapkan agar dapat memaklumkan penguatkuasaan surat pekeling ini kepada staf di bahagian masing-masing.

Sekian, terima kasih.

“DENGAN HIKMAH KITA MENEROKA”

Yang benar,



NORZAIMI BIN HAMISAN

Bendahari

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

- s.k -
- Y.Bhg. Naib Canselor
 - Y.Bhg. Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - Y.Bhg. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - Y.Bhg. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
 - Ketua Unit Audit Dalam